

Agong perkenan anugerah 2 anggota PGA pingat PGB

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, berkenan menganugerahkan pingat Panglima Gagah Berani (PGB) kepada dua anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) yang terbabit dalam kejadian berbalas tembakan di sempadan Malaysia-Thailand.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata selain mendiang Sarjan Baharuddin Ramli, pingat dikurniakan kepada mereka yang menunjuk-

kan kegagahan dan keberanian luar biasa ketika berhadapan muuh itu dianugerahkan kepada Sarjan Norihan Tari, yang tercedera dalam kejadian berkenaan.

“Sebagai mengenang jasa anggota terbabit, saya mewakili kerajaan menjunjung kasih Yang di-Pertuan Agong atas perkenan menganugerah pingat PGB kepada kedua-dua anggota terbabit.

“Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga memperakukan supaya mendiang Baharuddin dinaikkan pangkat kepada Sarjan, ma-

nakala Norihan dinaikkan pangkat kepada Sarjan secara medan,” katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Abdul Latif Abdul Rahman (PAS-Kuala Krai) yang meminta KDN memperincikan insiden serangan terhadap dua anggota PGA bertugas di pos sempadan Malaysia-Thailand dan langkah terkini kerajaan dalam memperketatkan lagi kawalan di sempadan negara.

Dalam pada itu, Hamzah ber-

kata, KDN sedang merangka pelan strategik secara holistik bagi memperkasakan kawalan sempadan negara.

Katanya, selain membabitkan perolehan aset dan fasiliti moden seperti dron, kenderaan perisai, gogal penglihatan malam dan peralatan lain, KDN berpandangan kesiapsiagaan anggota di sempadan harus diperkasakan.

“Perkara ini dapat direalisasikan dengan latihan dan kerjasama strategik bersama agensi dalam dan luar negara,” katanya.

Mengenai perkembangan siasatan kes, beliau berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) setakat ini menahan 19 individu, termasuk empat warga Thailand, manakala empat lagi ditahan pihak berkubasa negara jiran ketika suspek cuba dapatkan rawatan di hospital akibat kecederaan tembakan.

“Siasatan awal mendapati kumpulan ini menyeludup dadah secara sistem barter dengan pertukaran daun ketum dari Malaysia dan dadah dari Thailand,” katanya.